

Asas Hubungan

1

Pada peringkat awal, pemerintah menjalinkan hubungan luar demi memperkukuhkan kedaulatan.

2

Pemerintah menghantar utusan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada negeri Melayu yang lain.

3

Kestabilan politik mendorong pemerintah menjalin hubungan luar demi kemakmuran negeri.

Keserumpunan

Persamaan dalam aspek **bahasa dan budaya** mendorong mewujudkan hubungan dengan negeri Melayu yang lain. Persamaan tersebut memudahkan interaksi antara kerajaan. Pemerintah mengamalkan sikap toleransi dalam menerima amalan budaya kerajaan lain.

Geografi

- **Sempadan** antara negeri yang berjiran memudahkan perhubungan.
- **Sumber alam** dan **sumber bumi** menjadi tarikan perhubungan.
- Sungai menjadi **laluan perhubungan** yang dikongsi bersama antara negeri.
- Setiap negeri berusaha menjamin **keselamatan laluan** sungai.
- Pembinaan pelabuhan di pinggir sungai menggalakkan hubungan dengan negeri berjiran dan kuasa luar.



Jeti Kuala Perlis masa kini

Agama

Penerimaan **agama Islam** oleh pemerintah diperkukuhkan dengan kegiatan keagamaan menerusi peranan **ulama**. Negeri-negeri Melayu berkongsi **institusi pendidikan agama** melalui kedatangan penuntut dari pelbagai wilayah.



Masjid Kampung Laut